


MAKLUMAT

PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

**Penyakit
Tekanan Darah Tinggi**

Vasodilator



Medicine To Treat: Hypertension
Vasodilators

APAKAH KEGUNAAN 'VASODILATOR'?

'Vasodilator' bertindak secara langsung pada saluran darah. Ia menyebabkan saluran darah mengembang lantas mengurangkan tekanan darah.

APAKAH KEMUNGKINAN KESAN-KESAN SAMPINGAN VASODILATOR?

Ubat ini mungkin menyebabkan bertambahnya degupan jantung, bengkak air, muka menjadi merah padam dan sakit kepala. Minoxidil boleh menyebabkan rambut tumbuh dengan berlebihan di bahagian muka dan badan. Kadangkala hydralazine boleh menyebabkan ruam, sakit sendi tulang dan juga demam.

APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS DI AMBIL?

Ubat ini boleh menyebabkan tekanan darah turun dengan mendadak sekiranya anda mengambilnya buat pertama kali.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

APAKAH JENIS VASODILATOR YANG SERING DIGUNAKAN?

- Hydralazine
- Minoxidil

APAKAH HARUS SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya masa untuk dos yang tertinggal itu berhampiran dengan dos yang selanjutnya teruskan dengan dos kebiasaan anda tanpa mengambil dos tambahan.

BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA?

- Simpan ubat anda di tempat yang sejuk, kering dan terpelihara dari kelembapan, kepanasan dan sinaran tepat matahari, kecuali diarahkan.
- Simpan ubat di dalam bekas aslinya yang berlabel. Jangan campur-adukkan ubat-ubat yang lain dalam satu bekas.

Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi